



KERAJAAN MALAYSIA

**PEKELILING TRANSFORMASI PENTADBIRAN AWAM
BIL. 1 TAHUN 2016**

**PANDUAN PEMBUDAYAAN DAN PEMERKASAAN
INOVASI DALAM SEKTOR AWAM MELALUI
HORIZON BAHARU KUMPULAN INOVATIF
DAN KREATIF**

**UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN
PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)
JABATAN PERDANA MENTERI**



**JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA**

Telefon : 03-8000 8000

Faks : 03-8888 3721

Ruj. Kami : MAMPU.600-1/11/6 Jilid 3 (27)

Tarikh : 30 Ogos 2016

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**PANDUAN PEMBUDAYAAN DAN PEMERKASAAN
INOVASI DALAM SEKTOR AWAM MELALUI
HORIZON BAHARU KUMPULAN INOVATIF
DAN KREATIF**

TUJUAN

1. Pekeliling ini mengandungi panduan berkaitan penambahbaikan tatacara pengurusan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bertujuan untuk menyemarakkan lagi kreativiti dan inovasi dalam sektor awam. Panduan Pembudayaan dan

Pemeriksaan Inovasi dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif seperti Lampiran Pekeliling ini.

LATAR BELAKANG

2. Sejak tahun 1991, Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Panduan Mengenai Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) bagi menggalakkan penjawat awam bekerja secara berpasukan. Panduan tersebut menekankan penyertaan anggota kumpulan pelaksana dan memberi fokus kepada aspek penyelesaian masalah di tempat kerja. Kerajaan kemudiannya telah memperkenalkan Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif pada tahun 2009 sebagai langkah memantapkan keupayaan penjawat awam dari kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan kumpulan pelaksana untuk menyelesaikan masalah melalui penghasilan atau penambahbaikan sesuatu produk mahupun perkhidmatan yang boleh memberi manfaat kepada organisasi dan pelanggan.

3. Seiring dengan perubahan teknologi dan corak pembangunan negara yang semakin pesat, agensi Kerajaan

perlu sentiasa mengorak langkah untuk menggunakan pendekatan baharu dan berbeza dalam melaksanakan sesuatu dasar dan perkhidmatan. Oleh itu, Kerajaan memutuskan untuk menambah baik pengurusan KIK agar pelaksanaannya memenuhi konsep Cepat, Tepat, Integriti – Produktiviti, Kreativiti dan Inovasi (CTI–PCI) serta menyokong Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy* (NBOS), prinsip Inovasi Nilai (Value Innovation) dan konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA). Tumpuan perlu diberikan kepada penciptaan nilai, penambahan nilai, pengurangan kos, perkhidmatan yang memenuhi aspirasi dan harapan rakyat serta berimpak tinggi.

PELAKSANAAN

4. Bagi memantapkan pengurusan KIK dalam sektor awam, panduan ini telah digubal dengan memasukkan elemen baharu seperti yang berikut:

- (a) Penubuhan dan pembentukan KIK Hibrid;
- (b) Pengenalan bidang inovasi dalam KIK dan kategori inovasi;
- (c) Pemboleh daya bagi pembangunan inovasi yang berkesan;

- (d) Penekanan kepada keberhasilan (outcome) dan impak projek KIK;
- (e) Penyediaan peruntukan kewangan, iaitu sekurang-kurangnya sepuluh peratus (10%) daripada peruntukan latihan agensi Kerajaan untuk pembudayaan inovasi termasuk pelaksanaan projek KIK seperti latihan, pertandingan, aktiviti penyeragaman dan pengkomersialan produk atau hasil projek KIK;
- (f) Penggunaan Hab Inovasi Sektor Awam (HISA) secara optimum;
- (g) Pemilihan dan penggunaan kaedah serta teknik yang lebih fleksibel mengikut konteks pelaksanaan projek KIK;
- (h) Mekanisme penilaian yang bersepadu;
- (i) Pengembangan projek menerusi pengkomersialan, replikasi dan penyertaan dalam pertandingan inovasi; dan
- (j) Agihan pendapatan hasil pengkomersialan.

5. Pengurusan KIK yang cekap dan berkesan amat penting bagi memastikan kejayaan pelaksanaan KIK seterusnya menghasilkan impak positif kepada negara, sektor awam dan rakyat. Kerajaan berhasrat agar panduan ini dapat membantu agensi memantapkan pengurusan KIK masing-masing selain memperkasakan budaya kerja secara inovatif dan kreatif dalam kalangan penjawat awam.

PEMBATALAN

6. Pekeliling ini dikeluarkan bagi menggantikan Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang dikeluarkan pada 1 November 2009.

PERTANYAAN

7. Sebarang pertanyaan berhubung pekeling ini boleh dikemukakan kepada:

Pengarah,
Bahagian Penyelidikan Pengurusan,
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan
Malaysia (MAMPU),
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 3, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya,
MALAYSIA.

No. Tel. : 03 – 8000 8000

No. Faks : 03 – 8888 3721

E-mel : webmaster@mampu.gov.my

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(Tan Sri Dr. Ali Hamsa)

Ketua Setiausaha Negara

30 Ogos 2016



Lampiran
Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam
Bil. 1 Tahun 2016



P A N D U A N

PEMBUDAYAAN DAN PEMERKASAAN
INOVASI DALAM SEKTOR AWAM
MELALUI HORIZON BAHARU



K U M P U L A N I N O V A T I F D A N K R E A T I F

Hak Cipta 2016


@ Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU),
Jabatan Perdana Menteri

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian buku ini boleh diterbitkan semula, dicetak, disalin dan disiarkan bagi tujuan komersial dalam apa-apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada pemegang hak cipta.




Diterbitkan oleh :

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia,
Aras 6, Blok B2,
Kompleks Jabatan Perdana Menteri,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya, Malaysia.

 603-8000 8000

 603-8888 3721

 www.mampu.gov.my

KANDUNGAN

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Tujuan	1
1.2	Latar Belakang	2
1.3	Takrifan	3
1.4	Gambaran Keseluruhan Horizon Baharu KIK	4
1.5	Ringkasan Fasa Pelaksanaan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Melalui Horizon Baharu KIK	7

BAB 2 PENGHASILAN PROJEK

2.1	Bidang Inovasi dalam KIK	13
2.2	Kategori Inovasi	17
2.3	Kriteria Projek KIK	17
2.4	Pembentukan Kumpulan	19
2.5	Komponen KIK	21
2.6	Pemboleh Daya Pembangunan Inovasi yang Berkesan	22
2.7	Teknik dan Kaedah Penghasilan Projek	29

BAB 3 PENGIKTIRAFAN

3.1	Dokumentasi Projek	32
3.2	Pembangunan Panel Penilai	33
3.3	Hab Inovasi Sektor Awam (HISA)	34
3.4	Mekanisme Penilaian Projek KIK	35
3.5	Penganugerahan	36

BAB 4 PENGEMBANGAN PROJEK

4.1	Pengkomersialan	41
4.2	Replikasi	54
4.3	Pertandingan Inovasi	58

	Penutup	59
--	---------	----

Senarai Jadual **Jadual 1** **Pengagihan Pendapatan**

Senarai Rajah

Rajah 1	Kerangka Pembudayaan dan Pemerksaan Inovasi dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu KIK
Rajah 2	Fasa Pelaksanaan Pembudayaan dan Pemerksaan Inovasi dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu KIK
Rajah 3	Bidang Inovasi dalam KIK, Kategori Inovasi dan Tahap Keberhasilan
Rajah 4	Bidang Inovasi dalam KIK
Rajah 5	Ciri-ciri Utama Inovasi Sosial
Rajah 6	Ciri-ciri Utama Inovasi Penyampaian Perkhidmatan
Rajah 7	Kriteria Penghasilan Projek yang Berpotensi untuk Dikembangkan
Rajah 8	Contoh-contoh KIK Hibrid
Rajah 9	Komponen KIK
Rajah 10	Pemboleh Daya Pembangunan Inovasi yang Berkesan
Rajah 11	Peringkat Penilaian Projek KIK

Senarai Lampiran **Lampiran 1** **Contoh Teknik dan Kaedah Penghasilan Projek**



BAB 1

PENGENALAN

1.1 TUJUAN

Panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan berhubung penambahbaikan tatacara pengurusan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Panduan ini dihasilkan bagi menggantikan Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang telah diterbitkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada 1 November 2009.

1.2 LATAR BELAKANG

Kerajaan memandang serius usaha penambahbaikan penyampaian perkhidmatan agensi Kerajaan dengan matlamat agar perkhidmatan yang disampaikan sentiasa memenuhi kehendak dan harapan pelanggan. Selaras dengan perubahan persekitaran yang dinamik serta kehendak pelanggan dan pihak berkepentingan yang semakin meningkat memerlukan agensi sentiasa menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan, maka Kerajaan pada tahun 2009 telah menggantikan Panduan Mengenai Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) kepada Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).

Mesyuarat Panel Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA) pada 30 Mac 2016 telah memutuskan agar Panduan Mengenai KIK ditambah baik bagi meneruskan momentum pembudayaan inovasi dan kreativiti sektor awam dan seterusnya memberi peluang kepada segenap lapisan anggota sektor awam untuk menggilap kebolehan dan meningkatkan kompetensi diri dalam menghasilkan projek-projek inovatif yang berimpak tinggi. Oleh itu, Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan

Inovasi dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu
Kumpulan Inovatif dan Kreatif ini diterbitkan.

Sebagai peneraju agenda transformasi negara, sektor awam perlu memimpin inisiatif transformasi Kerajaan merentas semua sektor dalam negara. Proses transformasi yang dikehendaki dalam sektor awam perlulah bersifat inovatif dan kreatif melalui terjemahan penjanaaan idea baharu yang membawa perubahan berimpak tinggi berteraskan kecekapan dan keberkesanan.

1.3 TAKRIFAN

Takrifan yang akan diguna pakai dalam garis panduan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) **Agensi Kerajaan** merujuk kepada agensi Kerajaan yang terdiri daripada Kementerian, Jabatan Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- (b) **Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)** merujuk kepada sekumpulan kakitangan yang membentuk satu kumpulan untuk melaksanakan projek KIK.

- (c) **Outcome** merujuk kepada hasil yang diperoleh daripada pelaksanaan projek KIK dalam jangka masa pendek.
- (d) **Impak** merujuk kepada kesan daripada pelaksanaan projek KIK dalam tempoh jangka masa panjang.
- (e) **Pemboleh daya** merujuk kepada faktor-faktor yang berupaya menggerakkan sesuatu untuk berfungsi dengan baik.

1.4 GAMBARAN KESELURUHAN HORIZON BAHARU KIK

Inovasi merupakan **suatu pembaharuan atau perubahan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik dan menyampaikan nilai baharu kepada pelanggan**. Dalam konteks sektor awam, sesuatu ciptaan yang memberi manfaat nyata dan nilai tambah kepada keadaan sedia ada boleh dikategorikan sebagai inovasi.


Kreativiti ialah **kebolehan atau keupayaan untuk mencipta, mewujudkan dan menghasilkan sesuatu yang baharu serta unik dalam menyelesaikan masalah dan menambah baik keperluan semasa**. Dalam konteks sektor awam, keupayaan berfikir secara kritis dan analitikal amatlah diperlukan bagi menterjemahkan idea kepada

inisiatif bitara yang memberi manfaat kepada rakyat dalam usaha menambah baik penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

Salah satu pendekatan dalam memperkasakan inovasi dalam sektor awam adalah melalui pelaksanaan KIK secara komprehensif. Penambahbaikan ini sejajar dengan fokus Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), iaitu pertumbuhan berpaksikan rakyat dan meletakkan inovasi sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi melalui penambahbaikan atau pembaharuan proses, teknologi dan model perniagaan yang akan meningkatkan produktiviti melalui inovasi perusahaan dan inovasi sosial. Selaras dengan ini, KIK memberi **penekanan kepada keberkesanan perkhidmatan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan bermatlamatkan kesejahteraan rakyat.**

Pelaksanaan KIK mampu memberi impak positif kepada prestasi penyampaian perkhidmatan sektor awam. Keberkesanan pelaksanaan KIK memerlukan mekanisme pemantauan yang efektif bagi mencapai objektif pelaksanaan KIK yang dihasratkan. Kerangka Pembudayaan dan Perneriksaan Inovasi dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu KIK ditunjukkan pada **Rajah 1**.

Rajah 1 : Kerangka Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu KIK




1.5

RINGKASAN FASA PELAKSANAAN PEMBUDAYAAN DAN PEMERKASAAN INOVASI MELALUI HORIZON BAHARU KIK

Panduan Pembudayaan dan Pemerksaan Inovasi dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) memberi penekanan kepada keberhasilan (outcome) dan potensi pengembangan projek. Panduan ini meliputi tiga (3) fasa seperti pada **Rajah 2**.


Rajah 2 : Fasa Pelaksanaan Pembudayaan dan Pemerksaan Inovasi dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)



FASA PERTAMA : PENGHASILAN PROJEK

Fasa Penghasilan Projek menjelaskan prinsip utama yang perlu dititikberatkan oleh semua pihak bagi memastikan kelancaran pelaksanaan KIK yang meliputi pembangunan kompetensi serta pengoptimuman sumber. Penglibatan pihak pengurusan atasan sebagai penggerak pelaksanaan KIK amat penting bagi memastikan KIK dilaksana dengan teratur dan sempurna. **Fasa Penghasilan Projek** ini terdiri daripada **lima (5) elemen**, iaitu:

- (a) Bidang inovasi dalam KIK dan kategori inovasi;
- (b) Kriteria projek yang berpotensi untuk dikembangkan;
- (c) Pembentukan kumpulan;
- (d) Pemboleh daya pembangunan inovasi yang berkesan;
dan
- (e) Teknik dan kaedah penghasilan projek.



FASA KEDUA : PENGIKTIRAFAN

Fasa Pengiktirafan ialah manifestasi keberkesanan pelaksanaan fasa pertama. Fasa ini menilai dan mengiktiraf penghasilan projek yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dari semasa ke semasa. **Fasa Pengiktirafan** ini terdiri daripada **lima (5) elemen**, iaitu:

- (a) Dokumentasi projek;
- (b) Pembangunan panel penilai;
- (c) Hab Inovasi Sektor Awam (HISA);
- (d) Mekanisme penilaian; dan
- (e) Penganugerahan.


FASA KETIGA : PENGEMBANGAN PROJEK

Fasa Pengembangan Projek merupakan satu langkah proaktif bagi mengoptimumkan potensi projek KIK, iaitu kesinambungan kepada kejayaan fasa pertama dan fasa kedua. **Fasa Pengembangan Projek** ini terdiri daripada **tiga (3) elemen**, iaitu:

- (a) Pengkomersialan;
- (b) Replikasi; dan
- (c) Pertandingan Inovasi.

PENGHASILAN PROJEK

BAB 2



BAB 2

PENGHASILAN PROJEK

Fasa Penghasilan Projek menjelaskan perancangan awal pembentukan KIK. Ahli KIK perlu memilih projek berpandukan bidang inovasi dalam KIK, iaitu Inovasi Sosial atau Inovasi Penyampaian Perkhidmatan yang terdiri daripada dua (2) kategori, iaitu Inovasi Penciptaan atau Inovasi Penambahbaikan.

Matlamat keberhasilan projek KIK ialah:

- (a) meningkatkan kecekapan agensi sektor awam;

- (b) meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan agensi sektor awam; dan
- (c) memelihara kesejahteraan rakyat.

Rajah 3 di bawah menggambarkan perkaitan bidang inovasi dalam KIK, kategori inovasi dengan tahap keberhasilan projek KIK.

Rajah 3 : Bidang Inovasi dalam KIK, Kategori Inovasi dan Tahap Keberhasilan



2.1 BIDANG INOVASI DALAM KIK

Inovasi melalui konteks horizon baharu KIK terbahagi kepada dua (2) bidang inovasi seperti **Rajah 4**.

Rajah 4 : Bidang Inovasi dalam KIK



(a) Inovasi Sosial

Bidang inovasi sosial merangkumi **kaedah penyelesaian baharu (idea, model dan perkhidmatan) yang mampu memenuhi kepentingan sosial dengan lebih berkesan dan mengutamakan penglibatan rakyat.** Fokus pelaksanaan inovasi sosial tidak hanya kepada pencapaian impak sosial semata-mata, malah memberikan penekanan kepada proses penglibatan rakyat dalam membangunkan sesuatu inovasi.

Ciri-ciri utama inovasi sosial ditunjukkan pada **Rajah 5**.

Rajah 5 : Ciri-ciri Utama Inovasi Sosial



(b) Inovasi Penyampaian Perkhidmatan

Inovasi penyampaian perkhidmatan merupakan terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk mentransformasikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Inovasi penyampaian

perkhidmatan bermatlamat meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan ke arah penyampaian perkhidmatan yang bersepadu dan lancar serta meningkatkan kepuasan hati pelanggan. Inovasi yang dihasilkan perlu mempunyai nilai tambah serta berupaya menyediakan perkhidmatan yang lebih inovatif, memperluas liputan perkhidmatan dan mudah diakses rakyat. Idea-idea ini boleh merangkumi penambahbaikan kepada sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi baharu dalam pelbagai aspek, antaranya termasuklah:

- Pengurusan Strategik dan Kepimpinan Organisasi;
- Budaya Kerja;
- Kewangan dan Aset;
- Pengurusan Perhubungan Pelanggan;
- Pengurusan Sumber Manusia;
- Pengurusan Projek Pembangunan; dan
- Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Ciri-ciri inovasi penyampaian perkhidmatan ditunjukkan pada **Rajah 6**.

Rajah 6 : Ciri-ciri Utama Inovasi Penyampaian Perkhidmatan



Nota

- Setiap projek KIK yang dihasilkan hendaklah memenuhi salah satu daripada bidang inovasi, iaitu Inovasi Sosial atau/dan Inovasi Penyampaian Perkhidmatan; dan
- Setiap pilihan bidang inovasi tersebut haruslah memenuhi ciri-ciri yang ditetapkan.

2.2 KATEGORI INOVASI

Setelah pemilihan bidang inovasi dibuat, KIK boleh mengelaskan projek tersebut kepada dua (2) kategori inovasi, iaitu seperti yang berikut:

(a) Inovasi Penciptaan

Penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses yang baharu dan belum pernah dilaksanakan di Malaysia.

(b) Inovasi Penambahbaikan

Penambahbaikan sesuatu produk, perkhidmatan atau proses sedia ada melalui kaedah yang inovatif agar menjadi lebih berkualiti serta berdaya saing.

2.3 KRITERIA PROJEK KIK

Lima (5) kriteria yang perlu diambil kira oleh KIK di peringkat awal penghasilan projek bagi memastikan projek yang dipilih berjaya dilaksanakan dan seterusnya berpotensi untuk dikembangkan ditunjukkan pada **Rajah 7**.

Rajah 7 : Kriteria Penghasilan Projek yang Berpotensi untuk Dikembangkan



2.4 PEMBENTUKAN KUMPULAN

KIK terdiri daripada dua (2) bentuk kumpulan, iaitu:

01 : KIK PRIMER

Sekumpulan kakitangan yang terdiri daripada **sekurang-kurangnya dua (2) orang** tetapi **tidak melebihi sepuluh (10) orang** daripada **agensi sama** yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK.

02 : KIK HIBRID

Sekumpulan kakitangan yang terdiri daripada **dua (2) atau lebih agensi** yang **bersilang fungsi** yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK Hibrid. **Bilangan ahli tertakluk pada skala, kos, kategori projek dan dipersetujui oleh pihak yang melaksanakan projek.** Contoh-contoh KIK Hibrid ditunjukkan pada **Rajah 8**.

Rajah 8 : Contoh-contoh KIK Hibrid

A

Kombinasi/penggabungan sekurang-kurangnya dua (2) atau lebih Kementerian/Jabatan/Agensi/ Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) Negeri yang berbeza

Contoh

- Kementerian bersama Kementerian
 - ✓ Kementerian Pertahanan + Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Jabatan bersama Jabatan (dari Kementerian yang berbeza)
 - ✓ Jabatan Pengangkutan Jalan (Kementerian Pengangkutan) + Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (Kementerian Kewangan)
- Kementerian bersama Jabatan
 - ✓ Kementerian Pendidikan Malaysia + Jabatan Pendidikan Tinggi (Kementerian Pendidikan Tinggi)

B

Kombinasi/penggabungan sekurang-kurangnya dua (2) atau lebih Jabatan/Agensi di bawah Kementerian/PSUK yang sama

Contoh :

- Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (Kementerian Pendidikan Malaysia) + Bahagian Matrikulasi (Kementerian Pendidikan Malaysia)
- Jabatan Pendaftaran Negara (Kementerian Dalam Negeri) + Jabatan Imigresen Malaysia (Kementerian Dalam Negeri)
- Majlis Daerah Raub (PSUK Pahang) + Majlis Daerah Jerantut (PSUK Pahang)
- Pejabat Daerah dan Tanah Gombak (PSUK Selangor) + Pejabat Daerah dan Tanah Klang (PSUK Selangor)

C

Kombinasi/Penggabungan ahli kumpulan KIK daripada Kementerian/Jabatan/Agensi/PSUK Negeri dengan komuniti

Contoh :

- Majlis Daerah Baling bersama-sama Persatuan Penduduk
- Kementerian Kesihatan Malaysia bersama-sama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

2.5 KOMPONEN KIK

KIK mengandungi komponen-komponen yang ditunjukkan pada **Rajah 9**.

Rajah 9 : Komponen KIK



KETUA KUMPULAN

Ketua kumpulan merupakan salah seorang ahli KIK. Persetujuan bersama hendaklah dicapai ketika proses pemilihan ketua kumpulan agar tidak timbul sebarang isu yang boleh menjejaskan perkembangan kumpulan.



AHLI-AHLI

Keahlian KIK terbuka kepada semua anggota dalam organisasi. Bagi KIK Hibrid, keanggotaan kumpulan yang mewakili Jabatan/Agensi masing-masing hendaklah seimbang atau pada bilangan yang munasabah.

Nota

Agensi yang terlibat dalam KIK Hibrid digalakkan untuk menyediakan suatu memorandum bersama secara bertulis bagi memastikan kepentingan semua pihak terpelihara



FASILITATOR

Pelantikan fasilitator bergantung pada keperluan KIK. Unit Inovasi agensi masing-masing boleh memberi khidmat sebagai fasilitator.

Nota


Pelantikan fasilitator bukan suatu kemestian

KIK digalakkan untuk mewujudkan identiti kumpulan tersendiri seperti nama, logo, visi dan misi kumpulan atau lain-lain yang difikirkan bersesuaian.

2.6 PEMOLEH DAYA PEMBANGUNAN INOVASI

Sistem sokongan berterusan pihak pengurusan amat penting bagi membolehkan ahli KIK melaksanakan aktiviti yang dirancang dengan sempurna. Bagi menghargai usaha ahli KIK dan memastikan kelangsungan projek KIK, maka aspek-aspek penting yang perlu diberikan perhatian ditunjukkan pada **Rajah 10**.

Rajah 10 : Pemboleh Daya Pembangunan Inovasi yang Berkesan



(a) Pemanfaatan Jawatankuasa Pemandu Inovasi

Agensi Kerajaan hendaklah memanfaatkan Jawatankuasa Pemandu Inovasi bagi memastikan kejayaan pelaksanaan projek KIK. Jawatankuasa Pemandu Inovasi bertanggungjawab untuk:

- menilai dan memantau keberkesanan projek KIK;
- memperakukan penyertaan projek KIK ke pertandingan KIK peringkat kebangsaan;
- memperakukan penyertaan projek KIK ke pertandingan inovasi peringkat tempatan atau antarabangsa;
- mengenal pasti projek KIK yang berpotensi untuk tujuan pendaftaran hak cipta dan pengkomersialan;
- memutuskan pelantikan ejen untuk pengkomersialan; dan
- memutuskan penetapan kadar agihan pendapatan hasil pengkomersialan kepada KIK dan agensi.

(b) Peranan Unit Inovasi

Unit Inovasi hendaklah memainkan peranan yang lebih aktif untuk menjayakan pelaksanaan KIK. Peranan Unit Inovasi dalam penghasilan projek KIK hendaklah dioptimumkan seperti yang berikut:

- Mendaftar kumpulan KIK dan keahliannya;
- Merancang dan menyelaras pelaksanaan program-program berunsurkan peningkatan inovasi dan kreativiti secara terancang dan sistematik;
- Sebagai fasilitator kumpulan (bagi kumpulan yang tidak melantik fasilitator secara khusus);
- Menyediakan perakuan projek KIK untuk kelulusan Jawatankuasa Pemandu Inovasi;
- Mengurus dan menyelaras penyertaan KIK ke pertandingan pada peringkat tempatan atau antarabangsa;
- Memuat naik maklumat KIK dalam Hab Inovasi Sektor Awam (HISA);

- Memudah cara urusan pengembangan projek KIK;
- Mengurus perlindungan harta intelek projek; dan
- Mengurus permohonan perolehan dana, khidmat rundingan dan pelantikan ejen daripada agensi-agensi berkaitan pengkomersialan.

Kompetensi pegawai Unit Inovasi perlu dimantapkan secara berterusan sebagai pakar rujuk bagi membolehkan bimbingan yang berkesan disampaikan kepada ahli KIK.

(c) Peruntukan Kewangan

Memperuntukkan sekurang-kurangnya **sepuluh peratus (10%)** daripada peruntukan latihan untuk membiayai aktiviti pembudayaan inovasi dan pelaksanaan **KIK** termasuk urusan latihan, pertandingan, replikasi dan pengkomersialan.

(d) Fasiliti

KIK dibenarkan menggunakan bilik atau ruang khusus bagi melaksanakan aktiviti KIK dalam suasana yang kondusif. Penggunaan bilik atau ruang yang selesa berupaya membantu ahli KIK menjana idea yang lebih kreatif dan inovatif.

KIK juga diberikan kemudahan untuk menggunakan peralatan dan kelengkapan sedia ada dengan persetujuan Ketua Jabatan bagi melaksanakan aktiviti yang dirancang.

(e) Kompetensi Kreatif dan Berinovatif

Bagi memastikan projek yang dihasilkan berkualiti, ahli KIK perlu dilengkapi dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran seperti kemahiran berfikir secara kreatif, kemahiran mengaplikasi kaedah dan teknik dalam penghasilan projek dan pengetahuan berkaitan pengembangan projek.

Ahli KIK juga perlu diberi latihan bagi meningkatkan kemahiran dalam penyediaan dokumentasi, pembentangan projek dan penggunaan alatan multimedia.

(f) Ganjaran dan Pengiktirafan

Ahli KIK yang bergiat aktif serta berjaya menghasilkan projek boleh diberi ganjaran atau pengiktirafan yang sesuai sebagai galakan ke arah pelestarian pembudayaan KIK di agensi masing-masing.

Bentuk pengiktirafan yang boleh diberi adalah seperti yang berikut:

- Sokongan berterusan pihak pengurusan atasan sepanjang pelaksanaan projek;
- Pemberian surat/sijil penghargaan/cenderamata;
- Pencalonan untuk menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;

- Merekodkan penyertaan ahli KIK dalam Buku Perkhidmatan;
- Menyiarkan gambar ahli KIK yang berjaya dalam buletin, laman web, portal KIK atau pada papan kenyataan;
- Memberi peluang kepada ahli KIK untuk menyertai Pertandingan Inovasi di Peringkat Jabatan, Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa;
- Lawatan sambil belajar dan/atau mengikuti latihan berkaitan inovasi;
- Dipertimbangkan sebagai salah satu kriteria penilaian prestasi tahunan dan kenaikan pangkat; dan
- Pengiktirafan dalam bentuk monetari dan/atau bukan monetari yang difikirkan sesuai.



2.7 TEKNIK DAN KAEDAH PENGHASILAN PROJEK


Penggunaan teknik dan kaedah yang tepat amat penting dalam penghasilan sesuatu projek KIK. Sejalan peredaran masa dan perkembangan pelbagai teknik dan kaedah baharu, maka ahli KIK perlu sentiasa peka dan bersedia dengan penggunaan teknik dan kaedah terkini dan tepat. **Penggunaan teknik dan kaedah adalah fleksibel dan mengikut kesesuaian projek yang dirancang.** Antara contoh teknik dan kaedah yang boleh digunakan oleh KIK termasuklah *Design Thinking* dan Strategi Lautan Biru (Blue Ocean Strategy) seperti yang ditunjukkan pada **Lampiran 1**.

NBOS
STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN



PENGIKTIRAFAN

BAB 3





BAB

3

PENGIKTIRAFAN

Fasa Pengiktirafan merupakan satu bentuk motivasi dan penghargaan kepada pelaksana KIK yang melibatkan diri dalam penghasilan projek. Fasa ini menjelaskan penyediaan dokumentasi projek, pembangunan panel penilai, pemanfaatan Hab Inovasi Sektor Awam (HISA), mekanisme penilaian dan penganugerahan.

3.1 DOKUMENTASI PROJEK

Projek KIK yang hendak dipertandingkan perlu mematuhi format dokumentasi projek yang teratur dan meyakinkan. Bagi tujuan ini, ahli KIK perlu menyediakan dokumen projek yang mengandungi perkara seperti yang berikut:



3.2 PEMBANGUNAN PANEL PENILAI

Kumpulan panel penilai perlu diwujudkan bagi menjamin kualiti penilaian dan memenuhi standard yang ditetapkan. Penentuan keberhasilan projek yang berimpak tinggi amat bergantung pada keupayaan serta kemampuan panel penilai menilai projek secara komprehensif.

Kompetensi, profesionalisme serta integriti panel penilai merupakan fokus utama dalam penilaian projek KIK dan perlu dikenal pasti serta dibangunkan secara berterusan. Bagi tujuan ini, **MAMPU dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) bertanggungjawab dalam program pembangunan panel penilai** yang boleh dibentuk melalui pelbagai kaedah seperti bengkel, kursus, seminar dan bentuk latihan yang lain.

Panel penilai hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti yang berikut:

- a) Hendaklah diperakukan dan didaftarkan oleh INTAN; dan
- b) Mengisytiharkan penglibatan secara langsung atau tidak langsung dalam mana-mana pertandingan atau penilaian yang melibatkan projek KIK.

3.3 HAB INOVASI SEKTOR AWAM (HISA)

Hab Inovasi Sektor Awam (HISA) merupakan satu repositori berpusat dan bersepadu hasil inovasi sektor awam untuk dimanfaatkan sebagai rujukan dan perkongsian pengetahuan dalam pelaksanaan KIK. HISA boleh dicapai di portal MAMPU.

KIK yang berjaya melepasi saringan dalam pertandingan KIK pada peringkat kebangsaan hendaklah memuat naik maklumat projek ke dalam HISA bagi tujuan penilaian.



3.4 MEKANISME PENILAIAN PROJEK KIK

Projek KIK perlu dinilai secara sistematik bagi memastikan projek yang dihasilkan **mempunyai impak** serta **bermanfaat kepada organisasi, pelanggan dan rakyat**. Projek KIK yang dipertandingkan pada peringkat kebangsaan perlu melalui **dua (2) peringkat penilaian**, iaitu **peringkat saringan** dan **peringkat pemilihan** yang ditunjukkan pada **Rajah 11**. Mekanisme ini turut boleh diguna pakai di peringkat agensi Kerajaan tertakluk kepada ketetapan Jawatankuasa Pemandu Inovasi di agensi masing-masing.

Rajah 11 : Peringkat Penilaian Projek KIK

01

PERINGKAT SARINGAN

Melaksanakan tapisan awal oleh Jawatankuasa Saringan dan mengesyorkan senarai projek KIK yang berpotensi ke peringkat pemilihan.

PERINGKAT PEMILIHAN


02

Jawatankuasa Pemilihan mempertimbangkan projek-projek KIK yang disyorkan oleh Jawatankuasa Saringan dan memperakukan projek KIK yang layak sebagai penerima anugerah.

3.5 PENGANUGERAHAN



Projek-projek KIK yang diperakukan oleh Jawatankuasa Pemilihan sebagai pemenang akan diberi anugerah dalam majlis-majlis pengiktirafan Peringkat Kebangsaan/Negeri/Kementerian/Jabatan masing-masing.




Anugerah boleh diberikan dalam bentuk monetari dan/atau bukan monetari sebagai pengukuh positif yang dapat menggalakkan warga jabatan/agensi untuk membudayakan inovasi.





PENGEMBANGAN PROJEK

BAB 4



BAB 4

PENGEMBANGAN PROJEK

Fasa pengembangan projek merupakan keluk terakhir yang menterjemahkan kejayaan pelaksanaan Fasa Pertama (Penghasilan Projek) dan Fasa Kedua (Pengiktirafan). Fasa ini merangkumi **pengkomersialan, replikasi dan pertandingan inovasi**.

Bagi memastikan fasa ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, antara aspek yang perlu diberi perhatian adalah seperti yang berikut:

- (a) Perlindungan kepentingan agensi Kerajaan dalam aktiviti pembudayaan kreativiti, inovasi serta pertukaran idea dan juga pengetahuan;
- (b) Penyediaan pelan tindakan bagi mengawal selia pemilikan dan pengurusan Harta Intelek yang berkaitan dengan perlindungan reka cipta, inovasi, eksploitasi dan juga meliputi perkara yang berkaitan dengan pemindahan teknologi yang dilakukan oleh badan-badan yang berkaitan;
- (c) Pemberian insentif kepada KIK yang berpotensi mencapai tahap pengembangan idea, replikasi dan pengkomersialan;
- (d) Pemupukan semangat keusahawanan dalam agensi Kerajaan; dan
- (e) Peningkatan kesedaran mengenai kepelbagaian mekanisme pengembangan projek.

4.1 **PENGGOMERSIALAN**

4.1.1 **DEFINISI PENGGOMERSIALAN**

Pengkomersialan merupakan aktiviti penjanaaan pendapatan melalui idea yang dihasilkan dalam bentuk produk, perkhidmatan, proses, teknologi dan sistem organisasi yang dipasarkan dengan kaedah penjualan, pelesenan, penyerahan hak, pengembangan (spin-off), pengilangan dan usaha sama atau francais.

4.1.2 **PENGGOMERSIALAN MELALUI PENDEKATAN MENDIDIK, MEMUDAH CARA DAN MENGHUBUNG**

Konsep pengkomersialan yang diperkenalkan dalam panduan ini memberi fokus terhadap **tiga (3) pendekatan utama**, iaitu **mendidik (educating)**, **memudah cara (facilitating)** dan **menghubung (bridging)**.

Memahami akan kepentingan pengkomersialan, pendidikan yang lebih makro serta inklusif amatlah diperlukan oleh ahli-ahli KIK. **Pendidikan** bertujuan untuk **menerap serta memberi pendedahan**

berkaitan pengkomersialan yang boleh dilaksanakan oleh KIK melalui kursus, seminar, bengkel, ceramah dan sebagainya.

Seterusnya pendekatan sebagai **pemudah cara** bertujuan untuk **memperkasakan konsep sinergi serta kebersamaan dalam kalangan agensi Kerajaan**. Agensi Kerajaan berkaitan inovasi sentiasa bersedia menghulurkan bantuan melalui pemberian khidmat nasihat serta menyelami segala permasalahan KIK dalam menjayakan pengkomersialan projek KIK. Sokongan serta dorongan berterusan agensi Kerajaan kepada KIK merupakan faktor kejayaan pengkomersialan projek KIK.

Pendekatan sebagai penghubung juga diketengahkan dalam panduan ini bagi menterjemahkan usaha berterusan dalam membantu KIK ke arah pengkomersialan. Dalam memastikan kejayaan pengkomersialan, kerjasama padu antara agensi dengan KIK amatlah signifikan dalam meningkatkan keupayaan KIK. **Pendekatan penghubung, memudahkan akses jabatan kepada agensi-agensi**

berkaitan inovasi bagi mendapatkan kemudahan dana, khidmat rundingan dan perkhidmatan ejen pengkomersialan projek KIK.

4.1.3 PERLINDUNGAN HARTA INTELEK

Harta intelek bermaksud apa-apa karya, ciptaan, rekaan, varieti baharu tumbuhan, maklumat sulit termasuk rahsia perdagangan yang layak untuk mendapat perlindungan di bawah mana-mana undang-undang harta intelek khususnya undang-undang hak cipta, paten, reka bentuk perindustrian, cap dagangan, petunjuk geografi, reka bentuk susun atur litar bersepadu, varieti baharu tumbuhan dan *Common Law*. Antara peruntukan undang-undang serta dasar-dasar yang berkaitan harta intelek adalah seperti yang berikut:

- Perlembagaan Persekutuan (khususnya Perkara 13 - hak terhadap harta);
- Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332);
- Akta Paten 1983 (Akta 291) dan Peraturan Paten 1986;
- Akta Cap Dagangan 1976 (Akta 175);

- Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 (Akta 634);
- Akta Petunjuk Geografi 2000 (Akta 602);
- Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 (Akta 552);
- Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 (Akta 601);
- Undang-undang tidak bertulis (khususnya Common Law) berkaitan rahsia perdagangan dan maklumat sulit yang kini berkuat kuasa di Malaysia;
- Dasar Harta Intelek Negara 2007; dan
- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 30 Tahun 2009 Dasar Pengkomersialan Harta Intelek untuk Projek Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia (Jun 2009).

4.1.4 TUJUAN PERLINDUNGAN HARTA INTELEK

Perlindungan harta intelek dikawal di bawah undang-undang Malaysia bagi membolehkan pemilik harta intelek melaksanakan kawalan eksklusif terhadap sebarang eksploitasi hak pemilikan tersebut.

Ahli KIK dan agensi perlu memberi keutamaan terhadap perlindungan harta intelek pada peringkat awal pembangunan projek dengan memberikan penekanan kepada aspek-aspek permohonan perlindungan, penentuan hak milik dan kepentingan-kepentingan lain serta penguatkuasaan hak dan kepentingan terhadap harta intelek yang telah dihasilkan.

Selain itu, perlindungan harta intelek ini bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan atas sumbangan penjawat awam yang telah berjaya menghasilkan atau memberikan sumbangan dalam penghasilan karya, ciptaan, rekaan dan harta intelek lain yang memberi impak tinggi kepada penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

4.1.5 KRITERIA UTAMA PERLINDUNGAN HARTA INTELEK

Kriteria utama yang boleh digunakan oleh agensi Kerajaan dalam membuat keputusan untuk memohon perlindungan terhadap harta intelek yang mempunyai hak dan/atau kepentingan adalah seperti yang berikut:

(a) Paten (Patent)

Paten ialah hak eksklusif yang dianugerahkan di bawah Akta Paten 1983 dan Peraturan-Peraturan Paten 1986 untuk suatu reka cipta baharu sama ada ia ialah satu produk atau satu proses. Paten akan dianugerahkan apabila ia menepati ciri-ciri yang berikut:

- Baharu (Novelty);
- Melibatkan langkah mereka cipta; dan
- Boleh digunakan dalam mana-mana industri.

(b) Hak Cipta (Copyright)

Hak cipta ialah hak eksklusif yang diberi oleh undang-undang untuk tempoh masa tertentu kepada pencipta karya untuk mengawal karya mereka dan perlindungan ini adalah berasaskan Akta Hak Cipta 1987. Perlindungan hak harta intelek di bawah Akta Hak Cipta 1987 tidak memerlukan permohonan perlindungan secara formal. Perlindungan secara automatik akan diberikan kepada mana-mana karya sastera, karya muzik, karya seni, filem, rakaman suara dan penyiaran yang asli, berkuat kuasa serta-merta dari saat karya asli tersebut dihasilkan. Agensi

Kerajaan perlu melindungi hak dan kepentingannya dengan meletakkan simbol © pada semua karya miliknya.

(c) Reka Bentuk Perindustrian

Reka Bentuk Perindustrian ialah perlindungan hak harta intelek di bawah Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia. Perlindungan boleh dimohon jika rekaan itu adalah baharu, menarik dan belum pernah didedahkan kepada umum.

(d) Cap Dagangan (Trade Mark)

Perlindungan hak harta intelek di bawah Akta Cap Dagangan 1976 atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia. Perlindungan boleh dimohon jika cap dagangan itu (sama ada dalam bentuk jenama, label, nama, tandatangan, perkataan, nombor atau apa-apa tanda niaga lain) boleh dibezakan daripada cap dagangan yang lain.

(e) Petunjuk Geografi

Perlindungan hak harta intelek di bawah Akta Petunjuk Geografi 2000 (Akta 602) atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia boleh dimohon jika kualiti, reputasi atau ciri-ciri lain sesuatu barang adalah dianggap berpunca dari tempat asal geografinya.

(f) Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu

Perlindungan hak harta intelek di bawah Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia boleh dimohon jika reka bentuk susun atur litar bersepadu itu ialah rekaan yang asli.

(g) Varieti Baharu Tumbuhan

Perlindungan hak harta intelek di bawah Akta Varieti Baru Tumbuhan 2004 atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia boleh dimohon jika tumbuhan itu ialah

tumbuhan yang baka biaknya adalah baharu, berbeza daripada yang lain, seragam dan stabil.

(h) Maklumat Sulit Termasuk Rahsia Perdagangan

Perlindungan hak harta intelek bagi Maklumat Sulit termasuk Rahsia Perdagangan adalah dilindungi di bawah *Common Law* dan tiada peruntukan undang-undang yang memerlukan permohonan perlindungan secara formal dibuat. Perlindungan Maklumat Sulit termasuk Rahsia Perdagangan yang dilindungi di bawah *Common Law* akan dikuatkuasakan oleh agensi Kerajaan dengan meminta staf yang akan atau telah menerima/didedahkan dengan Rahsia Perdagangan atau Maklumat Sulit supaya menandatangani Perjanjian Kerahsiaan (Confidential Agreement)/ Perjanjian Untuk Tidak Mendedahkan Maklumat (Non-Disclosure Agreement) atau mana-mana perjanjian lain yang mewujudkan obligasi yang sama.

Selain kriteria asas yang diperihalkan di atas, agensi juga boleh mengambil kira faktor kos, nilai komersial, potensi pasaran sesuatu harta intelek tersebut dan faktor-faktor yang relevan, dalam membuat keputusan untuk memohon perlindungan hak harta intelek.

Permohonan perlindungan hak harta intelek boleh juga dibuat bagi harta intelek yang tidak mempunyai nilai komersial dan/atau potensi pasaran, agensi mempunyai budi bicara penuh dalam menentukan sama ada ingin memohon perlindungan terhadap harta intelek tersebut.

Agensi selaku pemilik harta intelek juga mempunyai budi bicara penuh dalam menentukan negara dan/atau wilayah di mana perlindungan hendaklah dimohon bagi harta intelek tersebut.

4.1.6 PEMILIKAN HARTA INTELEK

Kecuali dipersetujui secara nyata dan/atau disebutkan sebaliknya dalam dokumen tertentu, segala hak, pemilikan dan kepentingan kepada dan/atau dalam semua harta intelek menjadi hak milik agensi jika:

- (a) dicipta oleh KIK agensi;
 - (b) atas permintaan dan/atau arahan agensi;
- dan/atau

(c) dengan sebahagian besarnya ditaja oleh agensi atau oleh pihak ketiga (melalui perjanjian atau dokumen secara bertulis) melibatkan pemberian sumber, kemudahan, perkakas, penyeliaan, gaji atau tajaan-tajaan lain.

Dalam menentukan hak milik dan hak pemilikan bagi harta intelek, sumber agensi ditafsirkan sebagai termasuk, tetapi tidak terhad kepada segala penggunaan ruang, kemudahan dan aktiviti di pejabat.

Bagi memastikan segala hak, pemilikan dan kepentingan semua pihak terpelihara, disyorkan pemilikan harta intelek hendaklah dipersetujui secara nyata atau bertulis dan didokumenkan.

4.1.7 PELANTIKAN EJEN

Agensi/Ahli KIK digalakkan untuk melantik ejen bagi memudahkan urusan pengkomersialan. Ejen merupakan **individu atau organisasi yang dilantik oleh agensi/ahli KIK dan dipertanggungjawabkan**

untuk membantu serta memastikan kejayaan pelaksanaan aktiviti pengkomersialan.

Bagi memastikan kepentingan semua pihak terpelihara, disyorkan **pelantikan ejen dipersetujui secara nyata atau bertulis dan didokumenkan.**

4.1.8 AGIHAN PENDAPATAN

Keupayaan untuk mengkomersialkan hasil KIK akan merangsang pelaksana KIK untuk lebih proaktif dalam menyumbangkan hasil projek KIK ke dalam sistem ekonomi negara. Pendapatan yang diperolehi melalui pengkomersialan boleh diagihkan kepada ahli-ahli KIK atas persetujuan bersama pihak agensi Kerajaan dan ahli KIK.

Bagi memudahkan penetapan kadar agihan pendapatan, KIK bolehlah merujuk kepada **Dasar Pengkomersialan Harta Intelekt Hasil Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D) Yang Dibiayai Oleh Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 1 Jun 2009 (Perenggan 11.4, Table 1: Distribution Guidelines)**

dan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 30 Tahun 2009** yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 31 Disember 2009. **Kadar pengagihan pendapatan** yang boleh dijadikan sebagai panduan ditunjukkan pada **Jadual 1**.

Jadual 1 : Pengagihan Pendapatan

Hasil Pengkomersialan Bersih (RM)		Kadar Pengagihan	
		Ahli KIK	Agensi
1	RM250,000.00 pertama	100%	0%
2	RM250,001.00 hingga RM1,000,000.00	80%	20%
3	RM1,000,001.00 hingga RM2,500,000.00	60%	40%
4	RM2,500,001.00 seterusnya hingga RM5,500,000.00	50%	50%
5	RM5,500,001.00 dan ke atas	40%	60%

Pengagihan pendapatan **yang telah dipersetujui** antara ahli KIK dengan agensi, **hendaklah diperakukan** oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi. Jawatankuasa Pemandu Inovasi seterusnya perlu **menetapkan kaedah pengurusan hasil pendapatan** yang diterima oleh ahli KIK dan agensi bagi melestarikan usaha pembudayaan inovasi.

4.2 REPLIKASI

4.2.1 DEFINISI REPLIKASI

Replikasi secara umumnya boleh ditafsirkan sebagai proses menghasilkan salinan yang sama. Dalam konteks KIK, replikasi ialah **satu kaedah yang membolehkan agensi menggunakan atau mengadaptasikan projek-projek KIK yang memberi manfaat mengikut kesesuaian dan keperluan agensi masing-masing.**

4.2.2 REPLIKASI MELALUI PENDEKATAN PERKONGSIAN DAN PENGHUBUNG

Konsep replikasi yang diperkenalkan dalam panduan ini memberi fokus terhadap **dua (2) pendekatan utama, iaitu melalui pendekatan perkongsian (sharing) dan penghubung (bridging).**

Kebolegunaan projek KIK dapat dimanfaatkan melalui perkongsian hasil projek KIK antara agensi. Kaedah ini dapat menjimatkan kos serta masa pembangunan projek baharu dan memberi faedah kepada sektor awam.

Selain berfungsi sebagai repositori, HISA juga sebagai medium penghubung antara agensi pemilik projek dengan agensi yang berminat untuk mereplikasikannya bagi menyebarkan inisiatif inovatif dan mencapai keseragaman.


4.2.3 KAEDAH REPLIKASI

Kaedah replikasi boleh dibahagikan kepada **dua (2)**, iaitu **proaktif dan reaktif**.

(a) Proaktif

Projek KIK yang berpotensi digalakkan untuk menyertai pameran (showcase) semasa pertandingan KIK peringkat Kebangsaan/Agensi dan pelbagai platform lain yang bersesuaian melalui perkongsian maklumat bagi tujuan replikasi.


PROSES REPLIKASI PROAKTIF



(b) Reaktif

Maklumat projek-projek KIK yang berjaya pada peringkat kebangsaan akan dimuat naik ke dalam HISA dan boleh diakses oleh mana-mana pihak yang berminat untuk mereplikasi.

PROSES REPLIKASI REAKTIF



4.2.4 Syarat-syarat Replikasi

Bagi tujuan replikasi, pemilik projek KIK hendaklah bersetuju dengan syarat-syarat yang berikut:

- (a) Tidak membuat sebarang permohonan untuk mengkomersialkan projek;
- (b) Mendapatkan Perlindungan Hak Intelektual (Intellectual Property Protection) bagi projek yang telah melepasi peringkat saringan; dan
- (c) Sekiranya terdapat mana-mana pihak yang ingin mengenakan caj atau sebarang bayaran untuk mereplikasi projek KIK, maka pihak berkenaan perlu mendapatkan persetujuan daripada pemilik projek KIK supaya dapat memelihara kepentingan pihak yang terlibat.

4.3 **PERTANDINGAN INOVASI**

Bagi menyemarakkan budaya inovasi sektor awam, agensi digalakkan meneroka peluang untuk **mengetengahkan projek KIK bagi menyertai pertandingan inovasi pada peringkat tempatan atau antarabangsa**. Penyertaan KIK dalam pertandingan inovasi perlu diaspirasikan dengan amalan **perkongsian** (sharing) bagi menyebarkan pengetahuan, pengalaman, faktor kejayaan dan perkongsian teknologi yang memberi manfaat khususnya kepada pelaksana KIK dan rakyat secara amnya. Seterusnya, **pengiktirafan** (recognition) yang diterima oleh KIK juga menjadi sumber inspirasi kepada pelaksana KIK untuk menghasilkan projek yang berimpak tinggi dan lebih berdaya saing.

Sebagai apresiasi kepada pelaksana KIK, penerima anugerah berpeluang menyertai pertandingan inovasi pada peringkat lebih tinggi, sama ada di dalam atau luar negara antaranya seperti Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA), Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM), Anugerah Inovasi Negara (AIN), *International Innovations Awards* (IIA) dan *International Invention and Innovation Exhibition* (ITEX) Awards.

PENUTUP

Panduan Pengurusan KIK ini diharap dapat menonjolkan KIK sebagai salah satu platform untuk membudayakan dan memperkasakan inovasi dalam sektor awam melalui fasa-fasa yang lebih teratur dan sistematik, iaitu fasa penghasilan projek, fasa pengiktirafan dan fasa pengembangan projek KIK. Pelaksanaan KIK yang berkesan berupaya menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan seterusnya memberi manfaat dan nilai tambah kepada individu, agensi mahupun rakyat. Untuk itu, komitmen semua pihak yang terlibat amat penting dalam membudayakan kreativiti dan inovasi melalui pelaksanaan KIK kerana pemanfaatan kedua-dua elemen tersebut secara menyeluruh bukan sahaja dapat meningkatkan imej perkhidmatan awam, malah dapat membantu negara memacu pembangunan yang seimbang ke arah kesejahteraan rakyat.

LAMPIRAN

CONTOH TEKNIK DAN KAEDAH PENGHASILAN PROJEK

01 : Kaedah *Design Thinking*

Kaedah *Design Thinking* merupakan satu pendekatan yang berorientasikan manusia yang melibatkan proses penyelesaian masalah dengan memahami keperluan pengguna dan mensintesis maklumat untuk memenuhi keperluan pengguna. Kerjasama berpasukan serta persekitaran yang fleksibel merupakan faktor penentu kepada kejayaan pelaksanaan kaedah *Design Thinking* ini.

Terdapat lima (5) proses dalam kaedah *Design Thinking* iaitu *Empathize* (empati), *define* (takrifan), *ideate* (penjanaan idea), *prototype* (prototaip) dan *test* (ujian). Kelima-lima proses ini saling berkaitan antara satu sama lain bagi menterjemahkan idea kepada hasil yang akhirnya berfungsi sebagai strategi perniagaan dan juga strategi bagi mencari penyelesaian kepada sesuatu permasalahan. Kaedah ini telah dipraktikkan secara meluas pada peringkat global dan banyak memberi manfaat kepada pengguna.

Empathize (empati) merupakan proses pertama yang memerlukan seseorang untuk memahami sesuatu perkara dengan menerapkan konsep empati. Penyelesaian sesuatu masalah akan menjadi lebih mudah apabila sifat empati wujud dalam diri seseorang individu dalam memahami individu lain.


Proses kedua, iaitu *define* (takrifan) membantu seseorang individu untuk mengkaji serta menyelidiki sesuatu perkara dengan lebih mendalam. Ia melibatkan proses penghuraian serta mensintesis sesuatu perkara dengan menggunakan kaedah yang bersesuaian.

Setelah permasalahan difahami, proses ketiga, iaitu *ideate* (penjanaan idea) melibatkan proses menjana idea bagi menyelesaikan permasalahan tersebut. Pelbagai kaedah boleh digunakan dalam menghasilkan idea yang kreatif. Penjanaan idea ini memerlukan penglibatan serta komitmen penuh semua pihak dalam menghasilkan idea yang bermanfaat kepada pengguna.

Proses keempat ialah *prototype* (prototaip), iaitu idea penyelesaian yang terbaik dipilih dan dibangunkan prototaip. Proses ini memerlukan individu untuk merancang dengan

lebih sistematis agar idea yang terpilih dapat direalisasikan melalui produk.

Akhir sekali, proses kelima ialah *test* (ujian) yang memerlukan individu melaksanakan ujian terhadap prototaip yang telah dihasilkan. Ujian serta penambahbaikan perlu dilaksanakan secara berterusan dan konsisten agar prototaip yang dihasilkan berjaya memenuhi keperluan pengguna.



Sumber: *Institute of Design at Stanford*

02 : Strategi Lautan Biru

Strategi Lautan Biru atau *Blue Ocean Strategy* (BOS) menggariskan pendekatan sistematik yang mencadangkan pewujudan “Lautan Biru”, iaitu satu ruang baharu tanpa persaingan. “Lautan Biru” merujuk kepada semua inisiatif yang masih belum wujud pada masa kini – ruang pasaran yang belum dipelopori, dan bebas daripada persaingan. Di bawah strategi “Lautan Biru”, keperluan pasaran baharu perlu dicipta dan bukannya bersaing dalam pasaran sedia ada kerana di sini wujudnya peluang pertumbuhan yang luas, menguntungkan dan tiada persaingan daripada pihak-pihak lain. Ia merupakan satu analogi yang merujuk kepada ruang pasaran yang jauh lebih luas dan berpotensi tinggi yang masih belum dipelopori.

Sebaliknya, “Lautan Merah” merujuk kepada industri sedia ada pada masa kini – ruang pasaran yang telah sedia wujud, iaitu bidang industri dan peraturan persaingan telah pun dikenal pasti dan ditetapkan sejak sekian lama. Syarikat bersaing sesama sendiri untuk merebut bahagian yang lebih besar daripada pasaran dan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan sedia ada. Peluang terhadap keuntungan dan pertumbuhan semakin berkurangan kerana meningkatnya penglibatan dalam ruang pasaran yang terhad.

Asas Strategi Lautan Biru ialah penciptaan inovasi nilai (value innovation). Sesebuah syarikat akan berjaya mewujudkan persekitaran berasaskan strategi “Lautan Biru” sekiranya berjaya menjana inovasi terhadap nilai dengan mencipta nilai baharu untuk pengguna dan pihak syarikat pada masa yang sama. Penjana inovasi, sama ada produk atau penyampaian perkhidmatan, seharusnya menambah nilai dan mengurangkan atau menghapuskan produk/perkhidmatan yang kurang memberi nilai kepada pasaran semasa atau akan datang.

Empat (4) tindakan untuk mewujudkan “Lautan Biru” ialah “Menghapus”, “Mengurang”, “Meningkat” dan “Mencipta” ditunjukkan seperti yang berikut:



